

Kertas Bil. 49/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN PENGURUSAN BANGUNAN
YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN PENGURUSAN BANGUNAN YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 17-21 Ogos dan 24-28 Ogos 2015.

2. LATAR BELAKANG BANGUNAN YAYASAN SELANGOR DI BUKIT BINTANG

Yayasan Selangor mendapat bangunan 12 tingkat di Lot 99, Jalan Bukit Bintang pada tahun 70-an dengan keluasan lot sebanyak 11,100 kaki persegi daripada Kerajaan Negeri Selangor melalui PKNS sebagai geran permulaan Yayasan Selangor beroperasi bagi membiayai aktiviti pendidikan untuk semua anak Selangor. Dana daripada hasil sewaan bangunan di Bukit Bintang digunakan untuk membiayai pendidikan awal asrama pada tahun 80-an. Sebelum itu, bangunan di Bukit Bintang adalah di bawah pengurusan Pejabat SUK Selangor. Kebanyakan penyewa di Bangunan Yayasan Selangor, Bukit Bintang terdiri daripada pelbagai agensi Kerajaan, agensi pelancongan dan juga agensi ansuran harta tanah. Pada bulan Jun 2010, Mesyuarat Ahli lembaga Pemegang Amanah Yayasan Ke 85 Bil 02/2010 telah bersetuju dengan cadangan projek pembangunan semula bangunan Yayasan di Bukit Bintang.

3. AHLI JAWATANKUASA

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif | Ahli |

(ADN Kawasan Dengkil)

- | | |
|--|------|
| 5. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi
(ADN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 7. Y.B. Puan Yeo Bee Yin
(ADN Kawasan Damansara Utama) | Ahli |

4. LAWATAN TAPAK DAN PENDENGARAN TERTUTUP

JP-ABAS telah mengadakan lawatan tapak pada 19 Mei 2015 (Selasa) serta pendengaran tertutup pada 2 Jun 2015 (Selasa) bagi menyiasat dan mendengar taklimat mengenai pengurusan dan perancangan terkini bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang. Wakil-wakil daripada Yayasan Selangor hadir untuk memberi keterangan di bawah sumpah.

4.1 AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail
(ADN Kawasan Batu Tiga) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Ng Sze Han
(ADN Kawasan Kinrara) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi
(ADN Kawasan Sabak) | Ahli |
| 5. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif
(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |

4.2 SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERI KETERANGAN

Jabatan yang dijemput adalah Yayasan Selangor:

1. Encik Tuan Ismail bin Idris
Pengurus Besar
2. Puan Zahura binti Zakry
Pengurus Kanan Pendidikan dan Operasi
3. Puan Hafidah binti Haron
Pengurus Kanan Aset dan Pembangunan
4. Puan Norlinda binti Nasruddin
Ketua Audit
5. Encik Mohd Fauzi bin Ibni Hajar
Penasihat Undang-undang
6. Encik Mohd Ali bin Ithnin
Pengurus Korporat
7. Encik Zaini bin Sulaiman
Pegawai Khas

5. ISU-ISU PENELITIAN JAWATANKUASA

Hasil daripada lawatan tapak dan pendengaran tertutup, Jawatankuasa berpendapat bahawa prestasi pengurusan Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang kurang memuaskan. Terdapat dua aspek kelemahan pengurusan Bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang perlu diperbaiki oleh Yayasan Selangor. Secara ringkasnya, kelemahan-kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Prestasi pendapatan pengurusan sewaan bangunan yang kurang memuaskan; dan
- 2) Perancangan strategik projek pembangunan semula yang tidak memuaskan.

6. PENEMUAN JAWATANKUASA

6.1 Prestasi Pendapatan Pengurusan Sewaan Bangunan Yang Kurang Memuaskan

6.1.1. Perakuan Yayasan Selangor

1. Pada bulan Jun 2010, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan (LPAYS) Ke 85 Bil. 02/2010 telah bersetuju dengan cadangan projek pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang.
2. Pihak Yayasan Selangor telah mengeluarkan notis penamatan penyewaan kepada semua penyewa mulai November 2011 dan notis terakhir telah dikeluarkan pada akhir bulan Julai 2012 untuk mengosongkan premis tersebut di atas sepenuhnya pada bulan Ogos 2012.
3. Semasa notis penamatan dikeluarkan kepada penyewa, tender terbuka pertama kepada syarikat konsortium ABN-Jana Jewel-Di Restu-Al-Suffi (JABN International) bagi pelaksanaan projek juga telah dikemukakan pada bulan Januari 2012.
4. Walau bagaimanapun, pada 11 Julai 2012, berikutan masalah dalaman syarikat konsortium JABN International serta pulangan yang tidak menepati kehendak Yayasan Selangor, tender terbuka pertama yang dikeluarkan terdahulu telah dibatalkan pada bulan Julai 2012.
5. Selepas itu, Yayasan Selangor telah mengeluarkan pelawaan tender secara tender terbuka sebanyak empat kali lagi dalam tempoh dua tahun daripada tahun 2012 hingga tahun 2014 atas beberapa sebab seperti berikut:
 - i. Petender yang disyorkan telah lambat menghantar dokumen tender;
 - ii. Pembatalan *Letter of Acceptance* secara persetujuan bersama (mutual termination) dengan Kenanga Wholesale City (KWC);
 - iii. Lembaga Tender Yayasan Selangor mengarahkan supaya penawaran tender dilakukan semula dan taklimat tender dilaksanakan di tapak projek pembangunan semula; dan
 - iv. LPAYS mengesyorkan supaya Yayasan Selangor melaksanakan sendiri projek tersebut bagi mengelak daripada terikat dengan perjanjian bersama pemaju yang tidak dikenali.
6. Projek pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang yang tertangguh mengakibatkan anggaran kehilangan hasil sewaan berjumlah RM 15.12 juta mulai bulan September 2012 hingga Ogos 2014.

7. Mulai bulan Disember 2014, Yayasan Selangor telah membuka semula sewaan jangka pendek iaitu selama lima tahun bagi penyewaan sebahagian unit dan ruang pengiklanan di bangunan Yayasan, Bukit Bintang sebagai langkah mengurangkan kerugian.

6.1.2. Penemuan Jawatankuasa

1. Kegagalan Yayasan Selangor menguruskan kutipan hasil sewaan bangunan Yayasan di Bukit Bintang akan menjelaskan matlamat Yayasan Selangor untuk membiayai aktiviti pendidikan di negeri Selangor.
2. Amalan penukaran keputusan sebanyak lima kali oleh pengurusan atasan Yayasan Selangor berhubung penawaran tender kepada pemaju mengakibatkan kerugian hasil sewaan yang menjelaskan aliran tunai Yayasan Selangor.
3. Perubahan penawaran tender yang terlalu kerap adalah tidak efisien kerana menyebabkan projek pembangunan semula tertangguh untuk masa yang panjang.

6.2 Perancangan Strategik Projek Pembangunan Semula Yang Tidak Memuaskan

6.2.1 Perakuan Yayasan Selangor

1. Pihak Yayasan Selangor telah melaksanakan kajian *feasibility* dan mendapati rancangan terbaik menaik taraf bangunan Yayasan Selangor adalah dengan pembinaan sebuah hotel butik yang akan mempunyai 11 tingkat hotel dan 3 tingkat ruang niaga komersial. Pengurusan hotel butik tersebut akan diserahkan kepada operator hotel butik.
2. Projek menaik taraf bangunan Yayasan Selangor tersebut adalah berdasarkan konsep bina, usaha dan biaya [Build, Operate, Transfer (BOT)] di mana pemaju boleh menambahkan dua lagi tingkat tetapi tidak boleh merobohkan bangunan Yayasan Selangor tersebut.
3. Kos pembangunan keseluruhan secara kasar bagi projek menaik taraf bangunan Yayasan di Bukit Bintang kepada hotel butik adalah sebanyak RM 93,117,716.90. Kos pembinaan secara kasar projek menaik taraf adalah sebanyak RM 79,847,113.95 yang meliputi kos-kos seperti berikut:
 - i. Kos pembinaan-RM 69,432,273.00
 - ii. Kos awalan-RM 6,943,227.30
 - iii. Kos kontigensi-RM 3,471,613.65

Kos pembangunan lain adalah sebanyak RM 13,270,602.95 yang meliputi kos perundangan, bayaran juru perunding, kos promosi dan lain-lain.

[Sila rujuk kepada Lampiran 1 untuk kos pembangunan kasar keseluruhan projek hotel butik]

6.2.2 Penemuan Jawatankuasa

1. Pihak pengurusan Yayasan Selangor tidak mempunyai pengalaman dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan semula serta industri perhotelan kerana dasar penubuhan Yayasan Selangor adalah untuk menyediakan prasarana pendidikan yang efektif serta membiayai pendidikan untuk semua anak Selangor.
2. Yayasan Selangor tidak mempunyai kedudukan kewangan yang stabil untuk membiayai kos pembangunan semula bangunan Yayasan Selangor di Bukit Bintang.

7. SARANAN JAWATANKUASA

1. Kerajaan Negeri harus menetapkan rancangan strategik jangka panjang untuk memastikan kesinambungan keputusan yang diambil oleh pengurusan atasan Yayasan Selangor.
2. Yayasan Selangor harus mengkaji semula kesesuaian keputusan Yayasan Selangor melaksanakan projek pembangunan semula untuk membina hotel butik secara sendiri memandangkan pelaksanaan projek pembangunan semula bukan aktiviti teras Yayasan Selangor.
3. Kerajaan Negeri harus memastikan Yayasan Selangor memfokuskan sumber kewangan organisasi kepada pencapaian matlamat penubuhan iaitu membiayai aktiviti pendidikan di Selangor melalui pengurusan harta tanah yang cekap.
4. Kerajaan Negeri harus memastikan Yayasan Selangor mempunyai perancangan strategik mengukuhkan kedudukan kewangan sebelum melaksanakan projek pembangunan yang mempunyai kos yang tinggi.

8. PENUTUP

1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
2. Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sekian, terima kasih.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada hari Selasa, 14 Julai 2015.

Disahkan oleh:



.....
Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat
(JP-ABAS)

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- iv) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- v) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

LAMPIRAN 1



67

**KERTAS LAPORAN & ULASAN
CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA DI ATAS
LOT 99, JALAN BUKIT BINTANG, BANDAR KUALA LUMPUR,
DAERAH KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN**

1.0 Tujuan

Kertas laporan ini bertujuan mengesahkan ulasan Jawatankuasa Penilaian Projek-projek Yayasan Selangor ke atas *Cadangan Pembangunan Semula Di Atas Lot 99, Jalan Bukit Bintang, Bandar Kuala Lumpur, Daerah Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan milik Yayasan Selangor.*

2.0 Latarbelakang

2.1 Jawatankuasa Penilai Projek-Projek Yayasan Selangor

Panel Jawatankuasa Penilai Projek-projek Yayasan Selangor ini dianggotaikan oleh senarai nama yang tertera di bawah sebagaimana yang telah diarahkan oleh Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Kali Ke 86 Bil 3/2010. Jawatankuasa tersebut terdiri daripada;

1. YBhg. Dato' Haji Jaafar Bin Mohd Atan - Pengurus Pengarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Pejabat Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor
2. YBhg. Datin Paduka Low Siew Moi - Ahli Jawatankuasa Penasihat Ekonomi Menteri Besar Incorporated
3. YBhg. En. Mohd Yusof Ibrahim - Ahli Jawatankuasa Mantan Pengarah Jabatan Ekonomi DBKL
4. YBhg. Ilham Bin Marzuki - Ahli Jawatankuasa Pengurus Besar Yayasan Selangor
5. Bahagian Aset & Pelaburan Yayasan Selangor - Urusetia

2.2 Maklumat Hartanah

2.2.1 Tapak Cadangan

- a. No lot : PT 9, Bukit Bintang.
- b. Tempoh pajakan : 99 tahun berakhir pada 2076
- c. Keluasan tanah : 11,100 k.p
- d. Syarat guna tanah : Bangunan Pejabat
- e. Zon Area : R3
- f. Plot ratio : 1:7
- g. Nilai tanah dan bangunan : RM60 juta.

2.2.2 Cadangan projek ini melibatkan penambahan 2 aras keatas 12 tingkat sedia ada Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang menjadi 14 tingkat yang mengandungi 11 tingkat hotel, 3 tingkat komersial dan lot parking basement sedia ada.

3.0 Ulasan Panel Pembangunan Hartanah Yayasan Selangor

Kertas cadangan projek ini telah dibentangkan oleh Juruperunding Consortium yang diketuai oleh En. Mohamad Nazri Ismail dari Zap Group Architect Sdn Bhd untuk tujuan Cadangan Konsep. Seterusnya pihak Yayasan Selangor akan melantik Juruperunding Utama Pembangunan iaitu Tetuan ArqitectNIA Sdn. Bhd di mana Puan Nora Idris dan juga En. Mohamad Nazri Ismail akan mengetuai para perunding Perancang, Struktur dan Mekanikal/Electrical untuk Fasa ke 2 iaitu:

1. Pembentangan dan pengemukaan pelan Kebenaran Merancang kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur & penyediaan dokumen tender.
2. Tender mempelawa tawaran dari pemaju/pelabur/operator dari Dalam dan Luar Negeri.

Berikut adalah butiran pembentangan Juruperunding projek dan ulasan yang telah diberikan oleh Panel Jawatankuasa berhubung cadangan pembangunan tersebut.

3.1 Analisa Tapak Cadangan

Tapak cadangan terletak di atas tanah PT9, Seksyen 67, Bandar Kuala Lumpur milik Yayasan Selangor yang berkeluasan lebih kurang 11,100 K.P. di dalam Zon Pusat Komersil Bandaraya Kuala Lumpur (CCC) atau Kawasan Segitiga Emas.

3.2 Cadangan Konsep Pembangunan

3.2.1 Pihak konsultan memberikan 4 bentuk cadangan kepada Yayasan Selangor untuk dipilih iaitu;

- i. Membina dan mengubah suai ruang niaga komersial/hotel dan menjual kepada pihak yang berminat secara tender.
 - ii. Membina dan mengubah suai ruang niaga komersial/hotel dan memajakkan hotel sahaja kepada pihak yang berminat
 - iii. Memajakkan kepada pihak yang berminat untuk membina hotel sahaja tanpa sebarang ubah suai oleh Yayasan Selangor.
 - iv. Memajakkan bangunan yang sedia ada.
- 3.2.2 Pihak Jawatankuasa Penilai telah meminta agar konsultan meneruskan cadangan menaiktaraf BYS BB sedia ada dengan tambahan 2 tingkat di atas bangunan sedia ada bagi tujuan boutique hotel yang akan dibuat oleh yayasan Selangor dan dipajakkan kepada pihak ketiga mengikut kaedah (ii) di atas.
- 3.2.3 Pelbagai kajian termasuk kajian struktur dan ujian bebanan harus di jalankan ke atas bangunan sedia ada

3.3 Cadangan Rekabentuk

Bangunan ‘boutique hotel’ sebanyak 11 tingkat dan 3 tingkat ruang niaga komersial dengan rekabentuk hendaklah futuristik dan mengikut rekabentuk terkini.

3.4 Jenis Pembangunan

3.4.1 Bangunan komersial yang melibatkan lot-lot komersial dan hotel.

3.5 Komponen Pembangunan

- 3.5.1 Komponen pembangunan merangkumi 11 tingkat hotel, 3 tingkat lot komersial dan lot-lot parking sedia ada.
- 3.5.2 Komponen pembangunan juga melibatkan cadangan penyambungan BYS BB secara terus dengan Stesen Monorel Bukit Bintang.

3.6 Analisa Keperluan dan Syarat-syarat Merancang

- 3.6.1 Justifikasi cadangan pembangunan adalah berdasarkan Plot Ratio 1:7.
- 3.6.2 Perbandingan plot ratio adalah berdasarkan kawasan diplomatic U-Thant pada 1:10. YS boleh membuat rayuan terhadap plot ratio.

3.7 Analisa Pasaran Hartanah

- 3.7.1 Konsultan diminta mengenalpasti 'Marketing /Selling Point' bagi cadangan pembangunan tersebut.

3.8 Analisa Permintaan & Penawaran Hartanah

Yayasan Selangor perlu menukar kegunaan Bangunan dari 'Pejabat' kepada 'Hotel' bagi pasaran pelancong asing terutamanya dari negara-negara Arab dan Jepun.

3.9 Potensi Pasaran Hartanah Yayasan Selangor

- 3.9.1 Konsultan diminta mengenalpasti/memperinci permintaan pasaran dan penerimaan terhadap konsep cadangan pembangunan yang bakal dijalankan.
- 3.9.2 Anggaran kadar sewaan & pendapatan berbanding sebelum projek menaiktaraf dijalankan.
- 3.9.3 Mengenalpasti sumber dan nilai modal projek yang akan dilaksanakan.

3.10 Analisa Pesaing – Pasaran & Pemilik Hartanah

- 3.10.1 Juruperunding diminta membuat perbandingan dan analisa berhubung pesaing-pesaing yang membuat konsep pembangunan yang serupa di Kawasan Kuala Lumpur terutamanya Kawasan Bukit Bintang.

- 3.11.a) Nilai Pembangunan Kasar (GDV), RM

3.11.b) Kos Pembangunan Kasar (GDC)

- 3.13.1 Anggaran ini belum dimuktamadkan

- 3.13.2 Kos Pembangunan Keseluruhan adalah sebanyak RM93,117,716.90

- 3.13.3 Kos pembinaan adalah sebanyak RM79,847,113.95 yang meliputi kos-kos berikut;

- i. Kos Pembinaan – RM 69,432,273.00
- ii. Kos awalan – RM 6,943,227.30
- iii. Kos kontigensi – RM3,471,613.65

3.13.3 Kos pembangunan lain adalah sebanyak RM13,270,602.95 yang meliputi kos-kos perundangan, bayaran juruperunding, kos promosi, dan lain-lain.

3.12 Pulangan Ke Atas Pelaburan (ROI)

3.14.1 Pulangan ke atas pajakan hotel dan sewaan lot komersial adalah sebanyak RM44,727,267.00 setahun mengambil kira aliran pendapatan selama 10 tahun.

3.13 Pulangan Bersih (NPV)

3.15.1 Pulangan bersih tahunan adalah RM22,132,292.29 dengan mengambil kira pulangan bersih bulanan adalah sebanyak RM1,844,357.69.

3.14 Jadual Perlaksanaan Projek

3.16.1 Tertakluk kelulusan Perintah Pembangunan daripada DBKL.

4.0 Kesimpulan & Rumusan

- 4.1 Jawatankuasa Penilai berpendapat Bangunan Yayasan Selangor Bukit Bintang sudah tidak sesuai dikekalkan sebagai bangunan pejabat bagi memaksimumkan pendapatan YS.
- 4.2 Konsep pembangunan yang sesuai untuk pembangunan semula Bangunan Bukit Bintang adalah butique hotel dan ruang niaga.
- 4.3 Pembangunan semula yang dicadangkan adalah meliputi pembinaan 14 tingkat yang terdiri daripada 11 tingkat hotel, 3 tingkat lot perniagaan dan lot parking sedia ada.
- 4.4 YS perlu mengekalkan hakmilik tanah Bukit Bintang memandangkan lot ini satu-satunya milik Yayasan Selangor di tengah-tengah kawasan Segi Tiga Emas Kuala Lumpur. YS akan membangunkan hotel berkenaan dan seterusnya memajak kepada pihak yang berminat.
- 4.5 Jawatankuasa Penilai secara dasarnya bersetuju agar cadangan pembangunan ini diteruskan.

5.0 PERAKUAN


Laporan ini disediakan, disemak dan diperakui oleh jawatankuasa yang tersenarai seperti di bawah ;

Disediakan oleh;




Haszandi Bin Harun
Urusetia

Disemak oleh;



Raja Amir Shah Bin Raja Abdul Aziz
Urusetia

Diperakui;




1. Datin Paduka Low Siew Moi
Ahli jawatankuasa



2. Tuan Haji Mohd Yusof Ibrahim
Ahli Jawatankuasa



3. Ilham Bin Marzuki
Ahli Jawatankuasa



4. Dato' Mohd Jaafar Bin Mohd Atan
Pengerusi